

6 JAN 1996

Mahkamah - Pengiran

MAHKAMAH PERSEKUTUAN TOLAK RAYUAN OLEH KETURUNAN SULTAN BRUNEI

KUALA LUMPUR, 6 Jan (Bernama) -- Mahkamah Persekutuan di sini hari ini menolak permohonan bagi kebenaran oleh adik-beradik, keturunan Sultan Brunei, untuk merayu terhadap keputusan Mahkamah Rayuan mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi membatalkan saman mereka terhadap pemaju Karambunai International Golf and Beach Resorts.

Ketua Hakim Negara Tan Sri Mohamed Eusoff Chin, yang bersidang bersama Presiden Mahkamah Rayuan Tan Sri Lamin Yunus dan hakim Mahkamah Persekutuan Datuk Wan Adnan Ismail menolak permohonan itu dengan kos selepas mendengar hujah daripada peguam kedua-dua pihak.

Mohamed Eusoff berkata keputusan mahkamah ialah melalui majoriti. Alasan penghakiman akan diberikan kemudian.

Pada 27 Mac lepas, hakim-hakim Mahkamah Rayuan Gopal Sri Ram, Datuk N.H. Chan dan Datuk Siti Norma Yaakob, sebulat suara menolak rayuan itu dengan kos dan mengekalkan perintah Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu.

Pengiran Othman Shah Pengiran Mohamad Yusoff dan Pengiran Ahmad Shah Pengiran Mohamad Yusoff, 29, membuat rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi pada 22 Okt, 1994, membatalkan saman itu tanpa perbicaraan penuh.

Adik-beradik itu diwakili oleh bekas Ketua Hakim Negara Tun Mohamed Salleh Abas yang dibantu oleh peguam Datuk Dr Yaacob Merican dan Jonathan Yasin.

Dalam saman itu, mereka menamakan Karambunai Resorts Sdn.Bhd., Lipkland Holdings Sdn.Bhd, Datuk Chen Lip Keong dan pengarah Jabatan Tanah dan Pemetaan Sabah sebagai responden.

Chen ialah pengarah urusan Karambunai Resorts. Karambunai Resorts dahulu dikenali sebagai Lipkland Holdings Sdn.Bhd. yang Dr Chen juga ialah pengarah urusan.

Chen, Karambunai Resorts dan Lipkland Holdings diwakili oleh peguam Marina Tiu sementara pengarah Jabatan Tanah dan Pemetaan Sabah diwakili oleh Peguam Kanan Negeri Juprin Wong Adamal.

Dalam saman itu, kedua adik-beradik itu, yang memiliki tanah seluas 1,541.2 hektar di Karambunai, Menggatal, Sabah, yang dipegang di bawah pajakan selama 999 tahun dari 23 Mac, 1898, memohon untuk membatalkan perjanjian dengan Karambunai Resorts kerana mendakwa perjanjian itu tidak menguntungkan mereka.

Mereka mendakwa bahawa sebelum mencapai umur dewasa, mereka pada atau kira-kira Ogos, 1982, dipengaruhi membuat perjanjian dengan pemaju.

Mereka mendakwa bahawa kerana kurang pengalaman dalam bisnes dan perdagangan, mereka bergantung kepada nasihat dan jaminan Dr Chen bahawa syarat perjanjian memanfaatkan mereka.

Mereka juga meminta pengisytiharan bahawa mereka ialah pemilik tanah itu secara sah.

Mereka juga memohon perintah menghalang responden daripada antara lain memaju, menggunakan tanah itu atau untuk dijual, memindah, membahagi, memajak atau menjual mana-mana bahagian tanah itu.

Karambunai International Beach Resort dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 3 April, 1994.

Kedua adik-beradik itu setakat ini telah dibayar sejumlah RM10,856,714.79 oleh pemaju.

Di bawah perjanjian, mereka dan ketuyrunan mereka akan mendapat pendapatan tahunan RM75,000 selama 99 tahun.

Adik-beradik itu mewarisi tanah berkenaan daripada ibu mereka, yang

berasal dari keturunan Sultan Brunei. -- BERNAMA